



MANUAL PENGGUNA

PANDUAN PENDAFTARAN MySPR

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
(SPR)



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 PRA-SYARAT	1
2.0 PERMOHONAN AKAUN BAHARU	5
3.0 PENGAKTIFAN AKAUN PENGGUNA MySPR	10
4.0 LOG MASUK	13
5.0 DASHBOARD PENGGUNA	13
6.0 KEMAS KINI PROFIL	15
7.0 TUKAR KATA LALUAN	15
8.0 PERMOHONAN PENDAFTARAN	17
9.0 LOG KELUAR	22
10.0 PERTANYAAN	22

HAKCIPTA TERPELIHARA

1.0 PRA-SYARAT

1.1 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDAFTAR SEBAGAI PEMILIH ADALAH SEPERTI BERIKUT:

- a. Seorang warganegara Malaysia;
- b. Telah mencapai umur 18 tahun dan ke atas;
- c. Bermastautin di bahagian pilihan raya yang ingin didaftarkan; dan
- d. Tidak dihalang/hilang kelayakan oleh undang-undang yang berkuatkuasa;

1.2 MAKLUMAT TAMBAHAN SEMASA PENDAFTARAN MySPR DAFTAR

- a. No. Perkhidmatan Polis / Tentera (Jika Berkenaan);
- b. Nombor Telefon Bimbit yang sah;
- c. E-mel yang sah;
- d. Alamat Seperti Dalam Kad Pengenalan / Tempat Bertugas
- e. Gambar depan Kad Pengenalan (MyKad / MyTentera / Kad Kuasa Polis)
 - i. Awam (MyKad)



HAKCIPTA TERPELIHARA

ii. Tentera (MyTentera)



iii. Polis (Kad Kuasa Polis)



atau;



Nota: (Format dibenarkan : JPG, JFIF, PNG)

HAKCIPTA TERPELIHARA

f. Gambar swafoto (*selfie*) bersama MyKad / MyTentera / Kad Kuasa Polis;

i. Awam



ii. Tentera



iii. Polis



atau;

HAKCIPTA TERPELIHARA




Nota: Swafoto (*selfie*) ini hendaklah dilakukan dengan berpakaian sopan
(Format dibenarkan : JPG, JFIF, PNG)

HAKCIPTA TERPELIHARA

2.0 PERMOHONAN AKAUN BAHARU

- Layari <https://myspr.spr.gov.my>.
- Skrin **Log Masuk Akaun MySPR** Daftar akan dipaparkan.
- Klik pada butang **[PERMOHONAN AKAUN BAHARU]**.




HAKCIPTA TERPELIHARA

Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021


- e. Masukkan Nama seperti dalam kad pengenalan.
- f. Masukkan No. Kad Pengenalan 12 digit.
- g. Bagi pemohon berstatus Polis atau Tentera, masukkan No. Perkhidmatan pada medan yang disediakan.
- h. Masukkan No. Telefon Bimbit.
- i. Masukkan E-mel.
- j. Masukkan Kata Laluan dan Pengesahan Kata Laluan.
- k. Masukkan Soalan Keselamatan dan Jawapan Keselamatan.
- l. Masukkan alamat lengkap seperti dalam kad pengenalan.
- m. Sila muat naik **[GAMBAR DEPAN MYKAD / KAD KUASA POLIS / MyTENTERA]** dan **[GAMBAR SWAFOTO (SELFIE) BERSAMA MYKAD / KAD KUASA POLIS / MyTENTERA]** seperti berikut:



- n. Masukkan CAPTCHA.

HAKCIPTA TERPELIHARA

- o. Tandakan  di bahagian deklarasi '**Saya telah membaca syarat-syarat kelayakan untuk mendaftar sebagai pemilih.**' sebagai tanda persetujuan dengan syarat-syarat kelayakan pendaftaran sebagai pemilih.
- p. Klik pada butang **[DAFTAR]** untuk menghantar borang permohonan akaun pengguna.
- q. Sistem akan membuat verifikasi dan memaparkan mesej seperti berikut:



- r. Klik pada butang **[KEMBALI]** dan skrin **Log Masuk MySPR Daftar** akan dipaparkan semula.



- s. Satu notifikasi e-mel **Permohonan Akaun Pengguna** akan dihantar ke e-mel yang didaftarkan. Sekiranya tiada e-mel yang diterima di dalam **inbox**, sila semak di dalam **spam**.

The screenshot shows an email notification from MySPR. The header includes the MySPR logo and the text 'MySPR Daftar'. The main body of the email addresses the recipient as 'Tuan/Puan' and states that their account application has been received and is currently under review. Below this text is a table with a blue header 'Butiran Permohonan Akaun Pengguna' containing registration details.

Butiran Permohonan Akaun Pengguna	
No. Rujukan Pendaftaran	XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX
Nama	XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX
No. Kad Pengenalan (MyKad)	XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX
No. Perkhidmatan Polis / Tentera	
Kata Laluan	*** seperti yang dimasukkan semasa permohonan akaun ***
No. Telefon	XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

- t. Pegawai SPR akan membuat pengesahan dan satu e-mel pengaktifan akan dihantar ke e-mel yang didaftarkan mengikut waktu yang telah ditetapkan.
- Permohonan yang dihantar pada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bekerja, permohonan akan diproses pada hari yang sama sebelum jam 5.30 petang.
 - Permohonan yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari bekerja, permohonan akan diproses pada hari bekerja berikutnya sebelum jam 5.30 petang.

HAKCIPTA TERPELIHARA



- iii. Permohonan yang dihantar pada Sabtu, Ahad atau Hari Kelepasan Am, permohonan akan diproses pada hari bekerja berikutnya sebelum jam 5.30 petang.

3.0 PENGAKTIFAN AKAUN PENGGUNA MySPR

- i. Pegawai SPR akan membuat pengesahan sekiranya maklumat yang telah dihantar tiada masalah.
- ii. Setelah Pegawai SPR membuat pengesahan, pemohon akan menerima e-mel pengaktifan ATAU pemohon menerima e-mel peringatan pengaktifan seperti berikut:

Tuan/Puan,
Dimaklumkan bahawa **Permohonan Akaun Pengguna** tuan/puan telah **DILULUSKAN**

Butiran Permohonan Akaun Pengguna	
No. Rujukan Pendaftaran	XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX
Nama	XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX
No. Kad Pengenalan (MyKad)	XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX
No. Perkhidmatan Polis / Tentera	XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX
No. Telefon	XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

2. Sila klik pautan di bawah untuk **MENGAKTIFKAN AKAUN** anda menggunakan **No. Kad Pengenalan, Kata Laluan** dan **No. Telefon** yang telah didaftarkan. <http://139.59.58.153/pendaftaran/pengaktifan/2F8C9616-5BB0-41A1-B42D-B404AD631855/c929730502cf42cb7a508e78545e7f5be20e?expires=1619769793&signature=e4ad9f8d0fa1942504f9cccd27a9dfa7c413f476990b1e715fc5a46a4ed5426e> dan seterusnya login masuk ke **SPR | Suruhanjaya Pilihan Raya** dengan menggunakan **No. Kad Pengenalan** dan **Kata Laluan** yang telah didaftarkan.

3. Sebarang pertanyaan, sila hubungi hotline SPR di talian +603-8892 7018 dalam waktu pejabat atau melalui sistem aduan di <https://www.spr.gov.my/ms/aduan-pertanyaan>


Sekian, terima kasih

Nota: Ini adalah cetakan komputer.
Tiada tandatangan dan maklum balas diperlukan.

Penafian: E-mel ini dan maklumat yang disertakan adalah untuk tujuan pendaftaran pemilih SPR sahaja. Sebarang salinan semula pendedaran atau tindakan sedemikian untuk tuntutan atau bantahan serta tujuan-tujuan adalah dilarang.

HAKCIPTA TERPELIHARA

- iii. Klik pada pautan pengaktifan berwarna biru di dalam e-mel pengaktifan akaun pengguna. Skrin Pengaktifan **Akaun** akan dipaparkan.



- iv. Masukkan **No. Kad Pengenalan** dan **Kata Laluan** yang telah didaftarkan sebelum ini.
- v. Klik pada butang [**MOHON NO. TAC**]. Sekiranya No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang dimasukkan betul, sistem akan menghantar No. TAC melalui SMS ke telefon bimbit dan e-mel pengguna.
- vi. Pemohon akan menerima satu notifikasi e-mel dan SMS peringatan Permohonan No. TAC yang telah didaftarkan. Sekiranya tiada e-mel yang diterima di dalam inbox, sila semak di dalam spam.

HAKCIPTA TERPELIHARA



- vii. Ruangan input No. TAC akan dipaparkan. Masukkan **No. TAC** dan klik pada butang **[HANTAR]**.

MySPR Daftar

Pengaktifan Akaun Pengguna
Pengesahan Anda

TAC anda telah berjaya dihantar ke No. Telefon (XXXXXXXX) dan E-mel (XXXXXXXXXX). TAC hanya boleh digunakan dalam masa 3 minit. Masukkan no TAC dan klik HANTAR untuk teruskan. Sila tunggu 5 minit jika ingin memohon TAC yang baru.

XXXXXXXXXXXX ✓

***** ✓

XXXXXXXXXXXX ✓

HANTAR

Lupa Kata laluan?

- viii. Sistem akan membuat verifikasi dan skrin **Log Masuk MySPR Daftar** akan dipaparkan.

MySPR Daftar

Log Masuk Akaun
Pengesahan Anda

Tahniah Akaun Pengguna Tuan/Puan Telah Berjaya Diaktifkan. Sila Log Masuk Untuk Mengisi Borang A Bagi Pendaftaran Baru, Pertukaran Bahagian Pilihan Raya atau Tukar Status

NO. KAD PENGENALAN

KATA LALUAN

3 2 9 9 CAPTCHA


LOG MASUK

Lupa Kata laluan?

HAKCIPTA TERPELIHARA

4.0 LOG MASUK

- a. Masukkan **No. Kad Pengenalan, Kata Laluan** dan **CAPTCHA** untuk log masuk akaun pengguna dan klik pada butang **[LOG MASUK]**.




- b. Sistem akan membuat verifikasi dan Skrin **Dashboard Pengguna** akan dipaparkan.


5.0 DASHBOARD PENGGUNA

- a. Setelah log masuk, skrin **Dashboard - Halaman Utama** akan dipaparkan.
- b. Paparan Skrin **Dashboard Pengguna** bergantung kepada rekod pengguna dengan SPR.
- c. Sekiranya pemohon tiada rekod dengan SPR sebelum ini, paparan **Dashbaord Pengguna** adalah seperti berikut:

HAKCIPTA TERPELIHARA



- d. Sebaliknya, jika pemohon mempunyai rekod dengan SPR, paparan **Dashboard Pengguna** seperti berikut:




HAKCIPTA TERPELIHARA

6.0 KEMAS KINI PROFIL

- a. Pilih menu **PROFIL SAYA** dan klik pada menu **Kemas Kini Profil**.



- b. Sekiranya ada perubahan, ubah maklumat yang hendak dikemaskini dan klik pada butang **[KEMAS KINI]**.



The image shows a form titled 'KEMAS KINI MAKLUMAT AKAUN PENGGUNA'. It contains several fields for updating user information, including fields for name, ID numbers, date of birth, phone numbers, email, and address. The fields are mostly empty or contain placeholder text like 'XXXXXXXXXXXXXXXXXX'.

7.0 TUKAR KATA LALUAN

- a. Pilih menu **PROFIL SAYA** dan klik pada menu **Tukar Kata Laluan**.



HAKCIPTA TERPELIHARA



- b. Sistem akan memaparkan skrin TUKAR KATA LALUAN dan klik pada butang **[KEMAS KINI]** untuk mengemaskini maklumat.

Kata Laluan

TUKAR KATA LALUAN

Kata Laluan Semasa	KATA LALUAN	✕
Kata Laluan Baru	KATA LALUAN	✕
Pengesahan Kata Laluan	KATA LALUAN	✕

Kemaskini

2021 © SPR

- c. Masukkan Kata Laluan Semasa, Kata Laluan Baru dan Pengesahan Kata Laluan.
- d. Klik pada butang **[KEMAS KINI]**


HAKCIPTA TERPELIHARA

8.0 PERMOHONAN PENDAFTARAN

- a. Pilih menu **PENDAFTARAN** dan klik pada menu **Status Saya**.




- b. Sistem akan memaparkan skrin **Dashboard – Halaman Utama** dan klik pada butang **[BORANG A]** untuk membuat **PENDAFTARAN BAHARU**.



HAKCIPTA TERPELIHARA

- c. Skrin **Borang A (Pendaftaran Baharu)** akan dipaparkan.



The screenshot displays the 'BORANG A' registration form on the MySPR portal. The form is titled 'BORANG A' and includes a sub-header 'BAHAGIAN I : MAKLUMAT PEMILIH'. It contains several input fields for personal details, including name, NRIC number, and address. There are also sections for 'MUKUT NAK GAMBAR' (Photo Consent) and a checkbox for 'Saya setuju bahawa pemilih ini membuat pernyataan palsu jika pemilihannya adalah palsu atau tidak sah atau pemilihannya adalah palsu atau tidak sah atau pemilihannya adalah palsu atau tidak sah'. The form is designed with a clean, modern interface and includes a 'SIMPAN & LALU' button at the bottom right.

- d. Pilih kategori pemilih.

Nota:

- i. Sekiranya kategori pemilih adalah **Awam Luar Negara**, sila pilih Sub Kategori.

HAKCIPTA TERPELIHARA

- ii. Sekiranya kategori pemilih adalah Tentera / Polis, masukkan No. Perkhidmatan Tentera / Polis.
 - iii. Sekiranya kategori pemilih adalah Pasangan Tentera / Pasangan Polis PGA, masukkan No. Perkhidmatan pasangan anda.
- e. Lengkapkan alamat seperti dalam kad pengenalan. Masukkan No. Rumah. Jika tiada, masukkan '-'.

Nota:

- i. Sekiranya pemilih adalah kategori Awam Luar Negara, masukkan alamat surat menyurat.
 - ii. Sekiranya pemilih adalah kategori Tentera / Polis, masukkan alamat tempat bertugas.
 - iii. Sekira pemilih adalah kategori Pasangan Tentera / Pasangan Polis PGA, masukkan alamat bertugas pasangan.
- f. Pilih Jantina.
- g. Pilih Bangsa
- h. Pilih Agama.
- i. Tandakan di bahagian deklarasasi '**Saya sedar bahawa penalti kerana membuat pernyataan palsu ialah pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi**' sebagai tanda persetujuan.
- j. Klik pada butang **[HANTAR]** untuk menghantar borang A

- k. Ruangan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan akan dipaparkan. Masukkan **No. Kad Pengenalan** dan **Kata Laluan** pemohon yang telah didaftarkan dan klik pada butang **[MOHON NO. TAC]**.




- l. Satu notifikasi SMS dan e-mel **Permohonan No. TAC** akan dihantar ke no. telefon bimbit dan e-mel yang telah didaftarkan. Sekiranya tiada e-mel yang diterima di dalam **inbox**, sila semak di dalam **spam**.
- m. Ruangan input No. TAC akan dipaparkan. Masukkan **No. TAC** dan klik pada butang **[HANTAR]**.



HAKCIPTA TERPELIHARA

- n. Sistem akan membuat verifikasi dan satu notifikasi *flash* menyatakan 'Permohonan Pendaftaran Pemilih telah diterima dan sedang diproses. Sila cetak borang A untuk simpanan tuan/puan. Satu notifikasi telah dihantar' akan dipaparkan.




- o. Pendaftaran Borang A yang telah berjaya dihantar akan menerima satu notifikasi e-mel Pendaftaran Borang A. Sekiranya tiada e-mel yang diterima di dalam *inbox*, sila semak di dalam *spam*.

9.0 LOG KELUAR

- a. Klik pada Log Keluar.



- b. Dialog Notifikasi akan dipaparkan.



- c. Klik pada butang [**Log Keluar**]. Skrin **Log Masuk MySPR** akan dipaparkan sebagai indikator telah log keluar.

10.0 PERTANYAAN

- 10.1 Sebarang pertanyaan, sila hubungi hotline SPR di talian +603-8892 7018 dalam waktu pejabat atau layari laman sesawang <https://www.spr.gov.my>

HAKCIPTA TERPELIHARA